



Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bersama Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail **mendengar penerangan** daripada Mohd Ramli Ramli, mengenai pembentukan Tepek Briged Sempadan Baru Kem MUDA Air Berlis pada majlis kunjungan hormat Briged Briged Sempadan di Istana Arau.

FOTI SYAFI HUSAINI/BH

Raja Perlis terima kunjungan Panglima

» Antara pengisian majlis ialah Istiadat Mengarak Panji-Panji Rejimen semua pasukan

Oleh Nurul Farina Nazlan

nfarina@bh.com.my

BH/13-09-13/1412/01/PS

► Arau

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, berkenan menerima kunjungan menghadap Panglima 1 Divisyen, Ten-

tera Darat Malaysia (TDM), Lef-
tenan Jeneral Datuk Mohd Zaki
Mokhtar di Balai Biru, Istana
Arau, di sini.

Turut berangkat, Raja Muda
Perlis, Tuanku Syed Faizuddin
Putra Jamalullail yang juga
merangkap Komander Rejimen
504 Askar Wataniah.

Pada majlis itu, Tuanku Syed
Sirajuddin yang juga merangkap

Kolonel Yang Dipertua Kor
Renjer Diraja diberi taklimat
oleh Mohd Zaki berkenaan istia-
dat yang bakal dilaksanakan reji-
men infantri terbabit sempena
sambutan Jubli Emasnya, dalam
tempoh terdekat ini.

Istiadat Mengarak Panji-Panji

Antara pengisian majlis itu, Istia-
dat Mengarak Panji-Panji Reji-
men semua pasukan Rejimen
Renjer Diraja, di Dataran Pang-
lima Tentera Darat, Kem Perda-
na Sungai Besi, Kuala Lumpur,
pada 28 September ini.

Pada majlis itu, baginda turut
berkenan menerima kunjungan
hormat pengenalan oleh Pangli-
ma 2 Divisyen TDM, Mejar Jene-
ral Datuk Mohd Shukuri Ahmad.

Mohd Shukuri bertukar ke
Markas 2 Divisyen berpangkalan
di Pulau Pinang daripada cawa-
ngan Probos Marshall Angkatan
Tentera Malaysia (ATM), pada
bulan Mei lalu.

Tuanku Syed Sirajuddin
turut menerima menghadap
perpisahan dua panglima yang
akan bertukar iaitu Panglima 6
Briged TDM, Brigedier Jeneral
Datuk Zulkapri Rahamat dan
Panglima Briged Sempadan,
Brigedier Jeneral Datuk Mohd
Ramli Jaafar.

Ramli akan bertugas sebagai
Asistan Ketua Staf Operasi
dan Latihan TDM dan Zulkapri
pula bertugas sebagai Pengarah
Pengurusan Latihan Markas
Latihan TDM, manakala penye-
rahan tugas akan dilaksanakan
pada 13 dan 30 September ini.